

BIBLIOGRAPHIC INFORMATION

Title	Kontroversi Sekolah Agama Rakyat (SAR): Globalisasi, Sekularisasi dan Pendemokrasian Pendidikan
Source	http://phuakl.tripod.com/pssm/conference/day344.doc
Author 1	Wan Abdul Rahman Wan Ab. Latiff
Author 2	Kamaruzzaman Yusoff
Author 3	NA
Publication/Conference	4th International Malaysian Studies Conference; 3-5 August 2004, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
Edition	NA
Document Type	Article
CPI Primary Subject	Education
CPI Secondary Subject	Diversity Issues; Religious School ;
Geographic Terms	Malaysia;
Abstract	This paper attempt to critically analyse the controvesy involving the Sekolah Agama Rakyat (SAR) or Islamic School. Article written in Malay.

Centre for Policy Initiatives (CPI)

Pusat Iniatif Polisi

政策倡议中心

<http://www.cpiasia.org>

Kontroversi Sekolah Agama Rakyat (SAR): Globalisasi, Sekularisasi dan Pendemokrasian Pendidikan

Oleh

*Wan Abdul Rahman Wan Ab. Latiff &
Prof.Madya Dr. Kamaruzzaman Yusoff*

*Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
BANGI.*

(A Paper for the MSC4 International Conference for the Panel on ‘Religion and Identity’, to be presented on Day 3, 5 August 2004, Session 3).

Pengenalan

Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis secara kritis kontroversi yang dihadapi oleh institusi sekolah agama rakyat (SAR). Kontroversi ini di samping mempunyai kaitan dengan perkembangan sistem pendidikan sebelum kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu lagi ia juga ada kaitannya dengan pelebaran pengaruh globalisasi. Dari sudut ekonomi, proses globalisasi memperlihatkan peningkatan peranan kapitalisme di bawah gagasan neo-liberalisme. Di bawah globalisasi, peranan pasaran dibiarkan berleluasa dan segala bentuk halangan perdagangan seperti sistem kuota perlu diminima atau dihapuskan. Dari sudut politik, globalisasi biasanya disinonimkan dengan proses pendemokrasian terutamanya di negara-negara sedang membangun di mana tahap pembangunan politiknya masih mundur diukur dari perspektif demokrasi yang diamalkan di negara maju Barat. Kesan globalisasi ke atas aspek ekonomi dan politik negara penerima sebagai yang difahami di atas adalah merupakan pemahaman berdasarkan pengalaman sejarah negara maju di mana pertumbuhan sistem kapitalisme mendorong tumbuhnya sistem demokrasi. Pengalaman Malaysia memperlihatkan bahawa model ini tidak semestinya betul. Pengaruh globalisasi tidak semestinya membawa kepada peningkatan pendemokrasian, malah bagi setengah pengkaji ia merupakan satu gagasan yang amat meragukan (Shamsul, 2004). Yumei Zhang (2003) dalam merumus sifat

pembangunan politik di rantau Asia Pasifik nampaknya mempunyai pandangan yang sama. Beliau melihat perkembangan politik di Taiwan, Korea Selatan dan Thailand dalam tahun 1980an dan 1990an sebagai kemenangan kepada proses pendemokrasian. Sebaliknya, perkembangan politik di negara-negara seperti Malaysia, Singapura dan Indonesia telah menghambat proses pendemokrasian itu sendiri (Yumei Zhang, 2003,72-103).¹ Malaysia juga memperkenalkan sistem tambatan nilai ke atas ringgitnya bagi meminimalkan kesan krisis mata wang tahun 1997 yang terhasil dari proses globalisasi, sungguhpun ekonominya secara umum amat terikat dengan pengaruh neo-liberalisme. Sekiranya jalur atau sektor politik dan ekonomi telah dibina tembuk-tembuk yang tertentu oleh pemerintah Malaysia, ini bermakna sektor sosial terdedah secara meluas kepada kesan globalisasi. Pendidikan sebagai sektor sosial yang terpenting tidak dapat mengelakkan dirinya dari arus deras globalisasi dan mangsa kepada perubahan ini nampaknya ialah SAR; dan permasalahan yang dihadapi oleh SAR harus dilihat dari sudut ini .

Globalisasi dan Pendidikan

Tidak dapat dinafikan bahawa fenomena globalisasi mencangkupi keseluruhan aspek kehidupan manusia. Chandra Muzaffar dalam menilai hubungan di antara globalisasi dan agama menyenaraikan sembilan aspek positif dan 13 aspek negatif globalisasi. Antara aspek negatif globalisasi yang ada kaitan dengan pendidikan agama sebagaimana yang disenaraikan oleh Chandra Muzaffar ialah wujudnya fenomena di mana dalam sesebuah negara penekanan akan diberikan kepada sistem pendidikan formal yang menekankan penjaan kemahiran pengurusan dan teknikal sebagai respons kepada tuntutan pasaran. Apabila aspek ini diberi penekanan maka mata pelajaran akademik tradisional (termasuk pendidikan agama) akan dikesampingkan. Ini bermakna seterusnya pendidikan hanya bagi tujuan memperolehi kepakaran dan teknik yang tertentu dan kurang menekankan pendidikan moral (Chandra Muzaffar,2002). Berdasarkan kepada analisis yang dikemukakan oleh Chandra Muzaffar ini, maka ketidakperihatinan kerajaan terhadap SAR adalah sesesuatu yang logikal.

Tidak dapat dinafikan juga bahawa Peristiwa 11 September 2001 mempunyai kesan yang amat rapat dengan Islam dan bagaimana peranannya dipersepsikan di

peringkat global. Disebabkan peristiwa itu berlaku di Amerika Syarikat, maka Amerika telah mengetuai sebahagian dari negara dunia Barat untuk menghapuskan apa yang dilabel sebagai keganasan di peringkat global yang dikaitkan dengan gerakan Al-Qaeda dan gerakan Islam yang ada kaitan dengannya. Dalam memperdalami faktor-faktor yang membawa kepada keganasan, faktor pendidikan telah dilihat sebagai sesuatu yang penting kerana pendidikanlah yang mencorakkan pandangan hidup seseorang dan pandangan hidup ini akhirnya akan mempengaruhi tindakannya.

Mengaitkan faktor globalisasi, pendidikan dan keganasan sebagai persepsi umum oleh pihak pemerintah nampaknya sebagai sesuatu yang lumrah bukan sahaja spesifik kepada Malaysia. Perkara yang sama berlaku di negara di mana terdapatnya golongan minoriti Muslim yang agak ketara. Sebagai contoh apa yang berlaku di India. Kajian yang dijalankan oleh Suman Gupta, Adil Mehdi dan Tapan Basu (2003) yang coba menghubungkan faktor pendidikan sekolah dan ketegangan perkauman berdasarkan agama memperlihatkan bagaimana pihak kerajaan India, berlatarbelakangkan Peristiwa 11 September 2001, berminat untuk memodenkan sekolah tradisional (yang dikenali sebagai *madrasah*) dan lebih penting berminat untuk menghalang perkembangannya atas perkiraan pendidikan bentuk ini menggalakkan pertumbuhan keganasan dan fundamentalisme Islam.

Atas perkiraan Peristiwa 11 September 2001 berlaku di Amerika dan globalisasi yang dari satu segi sinonim dengan Kuasa Besar Amerika, Majlis Hubungan Luar (*Council on Foreign Relations*) Amerika Syarikat amat menyedari betapa intimnya hubungan di antara globalisasi dan pendidikan. Majlis Hubungan Luar sebagai badan terpenting mengubal dasar luar Amerika, memahami keperluan untuk memantau perkembangan pendidikan di negara-negara sedang membangun. Dari segi perancangannya, pada tahun 2005 tumpuan mereka adalah secara khusus kepada perkembangan pendidikan di Pakistan dan di negara-negara Timur Tengah yang mereka lihat sebagai berpotensi untuk mencetuskan keganasan yang melibatkan kepentingan Amerika Syarikat secara langsung atau tidak langsung.² Biasanya kerja-kerja pemantauan oleh Majlis Hubungan Luar dilakukan dengan kerjasama Agensi untuk Pembangunan Antarabangsa Amerika Syarikat (*U.S. Agency for International Development – USAID*).

Di antara kaedah yang digunakan oleh Majlis Hubungan Luar dan USAID dalam mendepani isu pendidikan khususnya pendidikan Islam di negara sedang membangun ialah dengan cara memperkenalkan pendidikan asas yang sejagat (*universal basic education*) melalui dasar yang bersifat jangkaan masa depan (*pre-emption policy*). Pendekatan ini dapat dikesan melalui testimoni atau keterangan yang diberikan oleh Gene B. Sperling, Felo Kanan, Majlis Hubungan Luar dan Pengarah, Pusat Pendidikan Sejagat yang dikemukakan kepada *House Committee on Appropriations, Subcommittee on Foreign Operations* pada 14 Mei 2004. Bagi Sperling pendidikan Islam yang boleh membawa kepada keganasan dapat ditangani melalui pendekatan yang dikenali sebagai *global compact on education*. Keseriusan pihak Amerika dalam hal ini dapat dilihat dari bajet yang diperuntukkan iaitu sebanyak USD500 million bagi tahun 2005 meningkat kepada USD2.5 billion bagi tahun 2009 (Sperling, 2004: 4). Keperluan kepada dasar pendidikan yang bersifat *pre-emption* bagi membendung keganasan telah disuarakan oleh orang seperti Sperling (2004:2) seperti berikut:

Rather than wait until a country enters a state of emergency or conflict that threatens our security, we should adopt a 'pre-emption' strategy on education where the US provides significant assistance and incentives to all poor countries to reform their education systems and enroll all children in school before their education system has been harmed by extremists or destroyed by conflict.

Hujah di atas memperlihatkan kepada kita betapa persoalan globalisasi mempunyai kaitan yang rapat dengan pendidikan dan pada pandangan Amerika ia ada hubungan dengan keganasan yang dipelopori oleh Islam; dan memahami betapa besarnya pengaruh Amerika – sebagai satu-satunya kuasa besar – ke atas politik antarabangsa, maka bukanlah sesuatu yang mengejutkan sekiranya Malaysia juga menari mengikut rentak dan lagu yang dicanang oleh Amerika. Dengan lain-lain perkataan pembatalan bantuan per kapita kepada SAR oleh Dr. Mahathir adalah juga satu tindakan yang bersifat *pre-emption* sungguhpun justifikasi untuk beliau bertindak sedemikian rupa masih boleh dipertikaikan. Apa yang menarik dalam konteks ini ialah strategi *pre-emption* yang diusahakan oleh Majlis Hubungan Luar bermula pada 2005 tetapi pembatalan bantuan per kapita kepada SAR adalah pada 25 Oktober 2002. Ini bermakna strategi *pre-emption* yang diusahakan oleh Dr. Mahathir melangkaui atau mendepani strategi *pre-emption* oleh

Amerika sendiri sungguhpun kedua-dua negara berkongsi pandangan yang sama kenapa strategi berkenaan perlu dilaksanakan.

Sekolah Agama Rakyat dan Pendemokrasian Pendidikan

Selari dengan deklarasi hak asasi manusia oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, *Perlembagaan Malaysia* turut memperuntukkan hak asasi (*fundamental liberties*) kepada warganegaranya. Di antara hak asasi yang dimaksudkan ialah hak untuk memilih sistem pendidikan (*rights in respect of education*) di samping hak asasi lain seperti kebebasan untuk bersuara, berhimpun dan berpersatuan (*freedom of speech, assembly and association*).

Di bawah gagasan pendemokrasian pendidikan, dan melalui beberapa Akta Pendidikan yang diperkenalkan terutamanya dalam tahun 1980an, Malaysia menyaksikan bercambahnya kewujudan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang sebahagian besarnya dimiliki oleh bukan Melayu. Sebahagian besar dari IPTS ini juga mengadakan program berkembar dengan universiti-universiti di Barat. Ini mempunyai implikasi yang besar terhadap peluang, persaingan dan pasaran kerja di kalangan masyarakat Malaysia. Nisbah penyertaan pelajar Melayu dalam IPTS bukan tajaan kerajaan misalnya, ialah 5: 95. Sebahagian besarnya ini disebabkan oleh faktor pembiayaan disebabkan yuran yang agak tinggi. Setakat ini nisbah keseluruhan pelajar Melayu dan bukan Melayu di IPTS ialah 40: 60, walhal matlamat yang ingin dicapai oleh kerajaan ialah sekitar 60: 40 (Ahmad Zahid Hamidi, 2002).

Disebabkan IPTS lebih banyak dari IPTA, maka penyertaan yang berkurangan oleh pelajar Melayu di IPTS mempunyai implikasi jangka panjang yang serius dari sudut pelunjuran penjaan tenaga kerja profesional dan bukan profesional di antara orang Melayu dan bukan Melayu. Secara perbandingannya, dalam kategori tenaga kerja profesional nisbah Melayu-bukan Melayu adalah seperti berikut: tahun 2003 (30:70), tahun 2004 (27: 63), tahun 2005 (25: 65), tahun 2010 (15: 85) dan tahun 2020 (10: 90). Jelas dari pelunjuran ini bahawa sekiranya sistem pendidikan yang ada sekarang dikekalkan, dan besar kemungkinan ia akan dikekalkan atas pertimbangan pendemokrasian pendidikan, penjaan tenaga kerja profesional Melayu akan terus

merosot dan di waktu negara mencapai status negara maju pada 2020 tenaga kerja profesional Melayu cuma di sekitar 10%. Seajar dengan pelunjuran ini tenaga kerja bukan profesional Melayu turut meningkat. Misalnya pada tahun 2003, ia mewakili 80% dari tenaga kerja yang ada dan pada tahun 2020 ia meningkat (atau merosot) kepada 95%. Berdepan dengan fenomena globalisasi dan faktor meritokrasi, golongan Melayu dijangka menjadi ahli profesional kelas dua dan tenaga kerja Melayu akan menjadi separa mahir dan separa profesional

Bagi mengatasi masalah yang parah di atas beberapa kaedah penyelesaian dicadangkan antaranya ialah dengan mengkaji semula syarat pemberian lesen IPTS. Dibawah gagasan pendemokrasian pendidikan cadangan ini mungkin tidak mendatangkan hasil yang diharapkan. Satu cadangan lain yang dikemukakan yang menarik untuk diberi perhatian disini ialah *mewujudkan institusi pendidikan separa profesional / separa ketrampilan sebagai feeder untuk IPTS milik orang Melayu* (Ahmad Zahid Hamidi, 2002). Selari dengan hakikat ini, penganalisis seperti Khoo Boo Teik nampaknya memahai realiti dan dilemma yang dihadapi oleh masyarakat Melayu apabila beliau mengatakan: “*The Sekolah Agama Rakyat may do little to ‘contribute to national integration’, to use official phraseology, but they become to many Malays what the ‘independent schools’ are to the Chinese community*” (Khoo Boo Teik, 2004: 6).

Berdepankan dengan realiti di atas, mereka yang mempertahankan pendidikan SAR berhujah bahawa dari sudut menyediakan ruang dan peluang pendidikan yang lebih kepada masyarakat Melayu khususnya yang berada diluar bandar yang turut dibelenggu oleh kemiskinan, sekolah agama rakyat boleh dilihat sebagai mampu untuk mengisi peranan atau ruang ini sekiranya ada komitmen dari kerajaan; yang diperlukan hanya usaha-usaha yang bersifat *upgrading* dalam konteks pembekalan infrastruktur dan latihan. Struktur asas telah pun ada. Proses *pengukuhan* ini adalah penting kerana apa yang sedia ada di sekolah agama rakyat ialah kaedah atau formula di mana matapelajaran *agama* (sebanyak 70%) yang mentakrifkan matapelajaran *akademik* (30%). Sekiranya formula asas ini dapat dikembangkan sehingga ke peringkat pengajian tinggi, ia akan melahirkan graduan dan ilmuan yang boleh mengadunkan asas ketaqwaan yang kental dengan kecermelangan ilmu. Dalam sejarah tamadun Islam, sistem yang serupa telah mampu melahirkan ilmuan agung Islam seperti Ibnu Sina, Ibnu Khaldun, Al-Biruni dan

sebagainya. Sebaliknya, sekiranya sekolah agama rakyat semakin dipinggirkan dan diserapkan ke dalam sistem arus perdana (iaitu sekolah kebangsaan) maka sudah jelas bahawa matapelajaran akademik yang lebih dominan dan yang akan mentakrif matapelajaran agama. Ini satu kaedah yang tidak betul dan amat merugikan Islam dan masyarakat Melayu umumnya dan ia tidak menyumbang kepada pengukuhan masa depan survival Melayu. Peribahasa Inggeris memberitahu kita bahawa kaedah ini samalah seperti *putting the cart before the horse*.³ Satu rumusan umum yang boleh dikemukakan di peringkat ini ialah ketidaksediaan kerajaan untuk menjadikan pendidikan Islam sesuatu yang dominan adalah konsisten dengan sifat sekular sistem pentadbiran dan pendidikan yang tidak memberi ruang kepada Islam sebagai faktor yang mentakrif.

Dari sudut persoalan sosio-ekonomi, sekolah agama rakyat telah memberi ruang dan peluang terakhir kepada pelajar dari golongan Melayu-Islam yang miskin untuk meneruskan pelajaran. Dari segi definisinya sekolah agama rakyat boleh dianggap sebagai sekolah swasta yang dimiliki oleh individu atau kumpulan individu tertentu dengan dokongan sepenuhnya dari masyarakat setempat. Memikirkan hanya 5% sahaja pelajar Melayu mampu belajar di IPTS milik bukan Melayu maka kerajaan sepatutnya menyokong dan mempertingkatkan pasaran sekolah agama rakyat untuk membolehkan lebih ramai pelajar Melayu, terutamanya yang miskin meneruskan pengajian mereka.⁴

Sekolah Agama Rakyat: Antara Integrasi dan Perlawanan (*Contestation*)

Dari segi sejarahnya, perkembangan SAR mempunyai kaitan dengan perjuangan golongan agamawan termasuk golongan ulama tradisional mempertahankan cara hidup Islam dari dicero bohi oleh projek modensasi tajaan penjajah. Pengharaman Hizbul Muslimin oleh pihak Inggeris membenarkan hakikat ini. Selain dari tekanan ke atas Hizbul Muslimin yang dilihat sebagai pertubuhan politik, pihak Inggeris membiarkan institusi pendidikan tradisional Islam seperti SAR dan pondok berkembang tanpa gangguan. Dari satu segi daerah yang mendokong perkembangan SAR adalah daerah Islam yang tidak resmi ; dan ini sudah semestinya satu bentuk Islam yang pertumbuhan dan perkembangannya berlawanan dengan Islam resmi tajaan kerajaan yang memerintah terutamanya kerajaan pusat. Tahap perlawanan ini akan menjadi lebih runcing apabila Islam telah dilihat oleh parti-parti politik sebagai modal politik yang penting bagi

menarik sokongan pengundi. Ini lapisan pertama perlawanan. Lapisan kedua perlawanan ialah manifestasi dari kesan negatif proses globalisasi dalam ertikata pendidikan di bawah arus globalisasi di lihat bagi tujuan memenuhi kehendak pasaran semata-mata. Ini juga bermakna pendidikan telah dilihat sebagai satu komoditi dan telah berganjak dari konsepsi tradisional pendidikan sebagai barangan sosial awam (*a publicly provided social good*). Apa yang menarik perubahan ini juga berlaku di negara maju (Tabb, 2001). Dalam konteks ini kewujudan SAR yang lahir dari konsepsi Islam tradisional dan tidak formal dilihat oleh pendokongnya sebagai mempromosi Islam yang lebih suci (*pristine*) dan ini sudah semestinya berlawanan dengan sistem pendidikan (termasuk pendidikan Islam) yang dikonsepsikan sebagai satu bentuk barangan bagi tujuan pasaran.

Perkembangan pendidikan Islam yang terlepas dari pengawasan pusat telah dilihat sebagai sesuatu yang tidak menyumbang kepada integrasi nasional. Cabaran dari pinggir yang dilihat oleh pusat sebagai faktor pemecah (*centrifugal factors*) merupakan identiti yang mencirikan negara sedang membangun (Geertz, 1963). Kemenangan parti-parti pembangkang seperti PAS dan PBS menguasai Kelantan dan Sabah pada waktu-waktu tertentu perlu dilihat dari sudut kemampuan parti-parti tersebut memobilisasi tenaga dari pinggir yang mempamerkan kuasa perlawanan (*countervailing forces*) ke atas pertamanya projek pemodenan tajaan pusat dan terakhir proses globalisasi yang didokong oleh negara bangsa yang diidentifikasikan dengan kuasa pusat. Usaha-usaha untuk membawa pelajar SAR ke sekolah kebangsaan adalah merupakan usaha-usaha untuk mengarusperdanakan sistem pendidikan itu sendiri yang terkesan dari proses globalisasi.

SAR: Antara Tanggungjawab Politik dan Kepentingan Politik Kepartian

Mengikut satu kertas kajian yang diusahakan oleh Akademi Kepimpinan dan Latihan Pemuda UMNO Malaysia mengenai isu SAR menyimpulkan bahawa pendedahan UMNO terhadap isu SAR adalah didorong oleh ‘tanggungjawab politik’ yang ikhlas bagi menyelamatkan masa depan pendidikan Islam.⁵ Kajian yang sama juga menyimpulkan reaksi PAS terhadap isu ini adalah digerakkan oleh dua faktor penting yang berkaitan dengan faktor ‘kepentingan politik kepartian’. Pertama, PAS menjadikan isu SAR sebagai isu yang dibesar-besarkan bagi menagih simpati pengundi dalam pilihanraya

umum yang ke 11 yang akan diadakan (2004) setelah isu Dato' Seri Anwar Ibrahim tidak lagi mempunyai tarikan atau kekuatan.⁶ Kedua, dengan menyekat perkembangan SAR, PAS bimbang akan kehilangan sebahagian besar dari pengikut setianya. Kalau inilah motif kenapa bantuan per kapita SAR dihentikan maka ianya jelas bermotifkan politik.⁷

Apa yang menarik untuk diberi perhatian ialah di Malaysia terdapat lima jenis sekolah agama (Islam): Sekolah agama rakyat (SAR), sekolah agama negeri (SAN), sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), sekolah menengah agama (berasrama penuh)(SMA), sekolah agama swasta (SAS).⁸ Penjenisan sekolah-sekolah agama ini memperlihatkan juga kadar dan tahap pertembungan antara faktor integrasi dan perlawanan: faktor integrasi mewakili nilai-nilai birokrasi pusat yang berusaha untuk mengarusperdanakan pendidikan Islam yang kurang resmi dari pinggir yang senantiasa mempamerkan perlawanan. Sekiranya proses mengarusperdanakan ini berjaya maka sebahagian dari faktor yang memperkukuhkan cabaran dari pinggir (baca PAS) diharap dapat disederhanakan. Kategori SAN misalnya adalah sebahagian besarnya adalah lanjutan dari SAR. Bagi negeri yang diperintah oleh PAS seperti Kelantan kategori ini dilihat sebagai mampu membantu memperkukuhkan asas perjuangan PAS dan ianya dikendalikan oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK). Sungguhpun sebahagian besar kalau pun tidak semua SAN di Kelantan telah menerima pakai kurikulum yang digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia disamping kurikulum agama dari Universiti Al-Azhar, nampaknya SAN masih dianaktirikan oleh Pusat. Sejak 1999, YIK memberitahu terdapat sebanyak 570 guru yang mempunyai kelayakan untuk dilantik ke perjawatan tetap tetapi masih menunggu kelulusan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan jumlah ini bertambah kepada 1013 pada pertengahan tahun 2003 (Harakahdaily.net, 2 Februari, 2003).

Sekiranya SAN diidentifikasikan dengan pentadbiran negeri di Kelantan yang ditadbir oleh PAS, maka SMKA biasanya disinonimkan dengan UMNO atau kerajaan Pusat. Ini dapat dilihat semasa UMNO memerintah Kelantan (1978-1990) di mana terdapat usaha untuk menukar status SAR dan SAN kepada SMKA sungguhpun kejayaannya agak minima.⁹ Secara rumusannya dapatlah dikatakan bahawa Pusat mempunyai pengaruh yang besar ke atas tiga dari lima kategori sekolah agama yang kita rujuk di atas iaitu SAN (selain di Kelantan), SMKA dan SMA(Berasrama Penuh). Perlu

juga ditekankan di sini bahawa dalam tiga kategori inilah sebahagian besar dari jumlah pelajar ditempatkan. Kategori SAS masih baru dalam sistem pendidikan negara dan sungguhpun status pemilikannya adalah swasta tetapi bidang kuasa kawalan adalah di bawah kerajaan persekutuan. Berbeza dengan SAR dan SAN di mana bidang kuasa kawalan adalah di bawah kerajaan negeri dan status pemilikan SAR adalah persendirian.

Kalau dinilai dari sudut jumlah pelajar yang mengikuti aliran-aliran yang dirujuk di atas, penganalisis politik mempunyai hujah yang agak kukuh bahawa isu SAR adalah isu yang telah dipolitikkan. Pada tahun 2003 misalnya jumlah pelajar yang menuntut di SAR adalah seramai 74,000 orang berbandingkan dengan 500,000 orang pelajar di sekolah kebangsaan (SK) seluruh negara (Risalah Edaran berjudul 'Selamatkan SAR', tanpa tarikh). Berdasarkan jumlah yang agak sedikit ini secara relatifnya maka hujah dari mereka yang mempertahankan SAR mengemukakan statistik bahawa berdasarkan bantuan purata per kapita kepada pelajar SAR adalah sebanyak RM60 hingga RM75 setahun ini bererti perbelanjaan yang diperuntukkan kepada setiap pelajar SAR adalah sekitar RM0.20 sehari berbandingkan dengan perbelanjaan untuk seorang banduan di penjara sebanyak RM8 sehari, perbelanjaan untuk setiap pelatih pusat serenti adalah sebanyak RM25 sehari dan perbelanjaan untuk seorang pendatang haram adalah sebanyak RM10 sehari.¹⁰ Ini bererti penarikan bantuan per kapita kepada sekolah SAR adalah persoalan sekunder kerana persoalan primernya ialah untuk menghakis dan seterusnya mematakannya (sekiranya suasana politik mengizinkannya) pendidikan bentuk ini yang gagal untuk diarusperdanakan oleh kuasa pusat. Sekiranya ada guru yang mengajar 'ajaran salah' maka guru itu yang harus diambil tindakan bukan menjadikan sebagai alasan untuk menghukum institusi ini secara keseluruhan. Ini nampaknya memperjelaskan lagi keadaan membakar kelambu disebabkan oleh seekor nyamuk.¹¹ Hujah yang mengatakan terdapat murid SAR yang memijak-mijak gambar pemimpin negara juga susah untuk dipertahankan atas hakikat bahawa sekira SAR dilihat sebagai kilang untuk melahirkan kader-kader PAS, maka sudah semestinya gambar-gambar pemimpin negara (baca UMNO) tidak ada yang tergantung di dinding-dinding sekolah!! Tambahan lagi kajian menunjukkan pelajar SAR mempunyai tahap disiplin dan akhlak yang tinggi. Perkara yang sebaliknya berlaku dikalangan pelajar SK dan SMK kendalian kerajaan pusat. Ini merupakan salah satu sebab kenapa lebih ramai ibubapa

Melayu/Islam mula mendaftarkan anak-anak mereka dengan SAR sungguhpun menyedari kemudahan infrastruktur yang ada di SAR jauh lebih rendah dengan apa yang terdapat di SK dan SMK.¹²

Tidak dapat dinafikan bahawa Islam dan apa-apa yang berkaitan dengannya (termasuklah pendidikan Islam yang sedang kita bincang) dijadikan sebagai modal politik (*political capital*) oleh parti-parti politik seperti PAS dan UMNO . Cuma yang membezakan di antara kedua parti politik ini ialah pemahaman dan pendekatan mengenai Islam adalah berbeza. PAS melihat Islam sebagai satu entiti yang tidak terpisah dari aspek-aspek kehidupan manusia. Dengan bahasa yang lebih mudah, PAS berpendirian bahawa tidak seharusnya berlaku pemisahan di antara agama dan politik; dan sikap sebaliknya telah ditonjolkan oleh pihak UMNO.

Kesinambungan dari sikap dan pendekatan UMNO terhadap Islam, maka penerimaan atau penolakan UMNO terhadap isu Islam adalah berdasarkan kepada hakikat sama ada isu tersebut menguntungkan atau merugikan UMNO. Ini dapat difahami dari hakikat sejarah bahawa sejak dari tahun 1960an lagi pihak Wakil Rakyat PAS seperti Ustaz Abu Bakar Hamzah telah menyuarakan pandangan dan saranan supaya sekolah SAR dipertingkatkan kualiti pengajaran dan kemudahan fizikal. Begitu juga pada 25-28 Julai 1976, dalam satu seminar bertajuk *Seminar Islam dan Peradaban Melayu* yang diadakan di UKM antara resolusi Seminar mendesak agar kerajaan pusat mengambil alih pengendalian SAR bagi tujuan pembangunan di samping mengekalkan pendidikan Islam sebagai teras.¹³ Cadangan-cadangan ini nampaknya tidak dilayan oleh pihak kerajaan pusat. Ini kerana SAR tidak mendokong atau mengancam UMNO. Selepas PAS disingkirkan dari BN pada tahun 1977 dan berlakunya era kebangkitan Islam era 1980an (sebahagian besar hasil dari pengaruh Revolusi Islam Iran akhir 1970an) yang menyebabkan umat Islam kembali menghantar anak-anak mereka ke SAR, sekolah tahfiz dan institusi pendidikan Islam yang lain. Kebangkitan Islam ini dilihat boleh mengancam kedudukan UMNO, maka ia perlu diakomodasikan. Maka salah satu tindakan kerajaan ialah dengan mengarusperdanakan pendidikan Islam yang dilihat lebih tidak resmi dan bersifat autonomi dan hakikat ini dilihat sebagai lebih terdedah kepada percikan kebangkitan Islam yang bermuarakan Revolusi Iran. Atas inisiatif Mohd. Mohyideen Wan Musa, Pengarah, Bahagian Agama, Kementerian Pelajaran, kerajaan pusat pada

tahun 1977 telah mengambilalih 11 buah sekolah menengah agama rakyat dan negeri dan menukarkannya kepada SMKA.¹⁴ Usaha untuk mengarusperdanakan SAR ini tidak dapat menyekat kemahuan umat Islam untuk menghantar anak-anak mereka ke SAR sehinggakan mendorong Pemuda UMNO pada 16 Jun 1999 melalui Perhimpunan Agung UMNO mendesak kerajaan pusat mengambil alih semua SAR di seluruh negara; secara kebetulan pula kawasan-kawasan majoriti Melayu yang mempunyai banyak SAR telah ditawan oleh PAS dalam Pilihanraya Umum 1999.¹⁵ Saranan Pemuda UMNO disambut oleh menteri Pendidikan ketika itu iaitu Datuk Seri Mohd Najib Razak apabila pada 20 Jun 1999 beliau mengisytiharkan bahawa kerajaan akan mengambilalih pengurusan kesemua 210 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di seluruh negara secara berperingkat-peringkat dan meletakkannya di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan untuk memastikan kira-kira 70,000 pelajar di institusi berkenaan mendapat pendidikan yang lebih sempurna.¹⁶ Atas hakikat cadangan ini tidak dapat dilaksanakan dan berakhir dengan pengisytiharan Dr. Mahathir mengenai pemberhentian bantuan per kapita kepada SAR pada 25 Oktober 2002 memperlihatkan dari satu segi, keberkesanan proses perlawanan dari pinggir.¹⁷

Mobilisasi bagi mendapat sokongan yang lebih luas bagi mempertahankan institusi SAR diteruskan oleh Pemuda PAS dengan menyerahkan satu memorandum kepada ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Timbalan Yang Dipertuan Agung pada 16 Januari 2003. Kenapa Pemuda PAS merujuk kepada Timbalan Yang Dipertuan Agung amatlah difahami kerana Baginda adalah juga Sultan Terengganu, negeri yang diperintah oleh PAS. Pemuda PAS memohon agar Sultan Terengganu melobi Majlis Raja-raja agar mengeluarkan titah kepada kerajaan (kabinet) supaya membatalkan tindakan menghentikan geran per kapita dan bantuan modal kepada SAR.¹⁸ Kenapa tidak ada tindakan oleh Majlis Raja-raja sungguh pun perkara yang berkaitan dengan agama Islam adalah dibawah kuasa Majlis Raja-raja juga amat difahami kerana institusi Di Raja telah pun bertembung dengan Dr. Mahathir pada tahun-tahun 1983 dan 1993 yang berakhir dengan kemenangan berpihak kepada Dr. Mahathir.

Kepimpinan Dr. Mahathir terutama dalam isu pemecatan Anwar telah mempunyai kesan sampingan iaitu bermulanya apa yang dikenali sebagai gerakan reformasi dan apa yang lebih signifikan dalam konteks ini ialah pengelibatan NGO dalam gerakan ini secara

agak besar-besaran yang dari satu segi melangkaui batasan etnik. Gerakan ini dikenali sebagai GERAK (Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia) pimpinan bekas Presiden PAS, Allahyarham Dato' Fadzil Noor.¹⁹ Sama jugalah dalam isu SAR, penglibatan NGO dirasakan juga sesuatu yang perlu kerana ia melibatkan kepentingan rakyat. Maka ditubuhlah GEGAR (Gerakan Bertindak Umat Selamatkan SAR) pimpinan Mohd Azmi Abdul Hamid. Ianya ditubuhkan pada 19 Disember 2002 di Maahad Al-Ummah, Chemor Perak. Ia dianggotai oleh Persatuan Ulama Malaysia dan negeri, Persatuan Penyokong SAR negeri-negeri, Majlis Bertindak Wanita Islam Malaysia, Persatuan Mahasiswa IPTA dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia. Jelas di sini berbanding dengan GERAK tidak ada NGO bukan Islam menyertainya. Kegagalan GEGAR untuk menyakin NGO bukan Islam seperti NGO yang berkaitan dengan pendidikan Cina untuk menyertainya memberi implikasi bahawa isu SAR dilihat mempunyai kerelevanan dengan satu-satu kelompok etnik yang tertentu. Tarikan isu SAR tidak mampu menarik penyertaan NGO pelbagai etnik. Ini juga bermakna isu SAR tidak dilihat oleh masyarakat, khususnya masyarakat bukan Islam, sebagai isu nasional.

Kesimpulan

Kontroversi mengenai isu SAR memperlihatkan kepada kita betapa projek modenisasi yang didokong oleh negara-negara membangun seperti Malaysia tidak diterima secara borong oleh anggota masyarakatnya, malah memperlihatkan beberapa bentuk perlawanan khususnya dari sektor tidak resmi dan dari pinggir. Pendidikan Islam yang wujud dipinggir ini dipersepsikan oleh pendokongnya sebagai Islam yang lebih suci (*pristine*) sekaligus bercanggah dengan Islam versi resmi dokongan kerajaan pusat. Perlawanan kepada projek modenisasi bertambah apabila berdepan dengan proses globalisasi yang turut mendapat dokongan, secara umumnya, negara-bangsa (baca kerajaan pusat). Disebabkan SAR bukan merupakan institusi pendidikan arusperdana maka ia terpinggir bersama arus deras globalisasi.

Peminggiran dan seterusnya tekanan yang dikenakan ke atas SAR berhubung secara langsung dengan Peristiwa 11 September 2001 di mana berlaku sikap sangsi Barat secara umumnya terhadap Islam dan ini termasuklah sistem pendidikan Islam. Dalam menangani isu ini nampaknya Malaysia terlalu ke depan dan seolah-olah takut dengan

bayang-bayang yang dimainkan oleh Amerika. Seperti yang dirujuk di awal kertas kerja ini kenyataan resmi Amerika mengenai isu ini secara serius adalah pada 2004, dalam bentuk strategi *pre-emption*; tetapi strategi *pre-emption* Malaysia lebih terkedepan apabila ia memutuskan untuk memberhentikan bantuan per kapita kepada SAR pada 2002. Episod ini bolehlah diumpamakan sebagai apabila Amerika bersin Malaysia yang demam selsema!!

¹ Perkembangan mutakhir di Indonesia selepas berlangsungnya Pilihanraya Umum 2004 dan pilihanraya bagi jawatan Presiden seterusnya memperlihatkan proses ke arah pendemokrasian makin menyubur. Sebagai contoh, masa kempen adalah selama tiga minggu dan pembangkang diberi *air time* di televisyen. Apa yang lebih menarik sepanjang Indonesia mengadakan pilihanrayanya tidak terdapat insiden kekacauan yang membawa kepada ketidakstabilan politik. Sebaliknya, apa yang berlaku di Malaysia melalui pengalamam Pilihanraya Umum yang ke 11 memperlihatkan proses pendemokrasian pada hakikatnya makin terhakis.

² Mengikut Gene B. Sperling, Felo Kanan, Majlis Hubungan Luar, dalam keterangannya kepada *House Committee on Appropriations, Subcommittee on Foreign Operations* mengemukakan pandangan berikut: *'the Administration is currently seeking new fund for education efforts in Pakistan and recently announced its intention to scale-up education efforts in the Middle East through the new Middle East Partnership Initiative.....And we are right to be acutely focused in areas like Pakistan and the Middle East where the failure of the public school systems can create a void that is too easily filled by religious extremists teaching hate'* (Sperling,2004:2). Pandangan Sperling ini mempunyai banyak persamaan dengan pandangan Dr. Mahathir mengenai SAR!!

³ Sudah semestinya pandangan pandangan parti pembangkang seperti PAS ydi atas adalah selari dengan ang ingin merealisasikan system Islam secara syumul dalam kehidupan bernegara. Sebagai contoh, surat dari seorang pembaca dari Kelantan yang menggelar dirinya sebagai MS Ismail menulis dalam *Harakah* terbitan 16-28 Februari,2003 dengan kata-kata berikut: “ Begitu senang menutupnya (SAR), sedangkan bangsa Melayu yang beragama Islam memepunyai kepentingan yang besar di dalam institusi ini sejak zaman berzaman. Bangsa Melayu tidak melihat betapa sekolah agama sebagai institusi masyarakat Islam telah berperanan dengan berkesan merangsang ilmu dan amal di kalangan rakyat dan seterusnya menjadi benteng akidah ummah sepanjang sejarah modenya. Oleh sebab itu, keputusan berkaitan dengan kelangsungan sekolah agama adalah kritikal dan generik untuk bangsa Melayu. Ia akan mendatangkan kesan kepada generasi Melayu berdekad lamanya.”.

⁴ Bandingkan dengan pandangan Tuan Guru Hj. Abdul Hadi Awang (2003: 59) dalam buku kecil beliau terbitan Jabatan Penerangan PAS Pusat berjudul *Sekolah Agama Rakyat: Pertahan Benteng Kekuatan Ummah* apabila beliau mengemukakan pandangan berikut: “Alasan sekolah agama tidak mempunyai infrastruktur yang sempurna, guru yang tidak terlatih tidak sepatutnya menjadi hujah, kerana itu adalah tugas pihak yang berkenaan bangi membantu dan menyediakan, dan bukan untuk terus ditindas”.

⁵ Kertas kajian ini diberi judul *Sekolah Agama Rakyat: Antara Tanggungjawab Politik dan Kepentingan Politik Kepartian*.

⁶ Tanggapan ini mungkin ada benarnya. Sebagai contoh, Ramli Abdul Halim, seorang pegawai di Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, dalam mukaddimah kepada buku khas isu semasa terbitan Urusetia Penerangan berjudul *Sekolah Agama Milik Rakyat* (2003) berpandangan: “Melalui buku khas yang

diterbitkan khusus bagi membicarakan tentang isu-isu yang boleh mempengaruhi pilihanraya umum kesebelas, dimuatkan pandangan dari kedua-dua pihak yakni pihak yang mahukan SAR dilenyapkan dan pihak yang mahu SAR dipertahankan” (2003: 14). Dato’ Dr. Hassan Ali, Naib Presiden PAS salah seorang yang yakin isu SAR dapat dijana sebagai isu pilihanraya umum yang boleh menguntungkan PAS. Makalah beliau yang dimuatkan dalam buku ini memperlihatkan kecenderungan ke arah itu. Lihat makalah beliau berjudul ‘Sekolah Agama Rakyat: Menjana Gelombang Kebangkitan Rakyat’.

⁷ Memang ada benarnya untuk mengatakan yang SAR adalah salah sumber yang mendokong perjuangan PAS atas ianya berstatus persendirian dan kurang terikat dengan pengaruh pusat sekaligus mempunyai autonomi yang tinggi. Begitu jugalah dengan sistem pendidikan pondok. Dari sudut ini pengamatan bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid nampaknya tepat apabila beliau mengemukakan formula tiga ‘P’ iaitu Padi, Pondok dan PAS.

⁸ Sekadar memberi beberapa contoh, Sekolah Menengah Ugama (Arab) Khairiah, Banggol Setol, Rantau Panjang, Kelantan adalah SAR; Sekolah Menengah Ugama (Arab) Maahad Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan adalah SAN; Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah SMKA; Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu, Labu, Negeri Sembilan adalah SMA(Berasrama Penuh); Sekolah Rendah Islam ABIM adalah SAS.

⁹ Antara sekolah agama yang berjaya ditukar statusnya ialah Sekolah Agama (Arab) Wataniah Machang ditukar kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Wataniah Machang pada tahun 1986.

¹⁰ Data ini diperolehi dari ceramah oleh Dato’ Dr. Haron Din, Ketua Penerangan PAS Pusat, yang diadakan di Cheras pada 19 April 2003.

¹¹ Peribahasa Inggeris menyebutnya sebagai *throwing the baby with the bath..*

¹² Kajian yang melibatkan SAN, SAR dan SAS dari tahun 1987 hingga 1999 oleh Bahagian Perancang dan Penyelidikan Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tahun-tahun 1989, 1992, dan 1996 telah merumuskan empat penemuan penting: 1) Kebanyakan guru di SAR sangat dedikasi terhadap profesyen mereka meskipun dibayar gaji dan elaun yang rendah; 2) Guru menjadi contoh ikutan yang baik kepada pelajar kerana pegangan agama yang mantap, dan didapati mereka sanggup berkhidmat walaupun kelengkapan sekolah tidak mencukupi; 3) SAR memberi penekanan utama kepada pentarbiyahan pelajar sekaligus mengurangkan kadar keruntuhan moral yang menjadi masalah paling besar di sekolah biasa; dan 4) Pelajar lepasan SAR mempunyai pasaran kerja yang lebih luas berbanding sekolah biasa kerana mereka mempunyai kelebihan pengetahuan agama yang sangat diperlukan oleh masyarakat. Penemuan baik ini mendorong Dato’ Dr. Abd. Hamid Othman, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, yang juga bekas pelajar SAR untuk membuat kenyataan bahawa SAR boleh dijadikan model kepada sekolah biasa yang sedang dilanda oleh krisis disiplin dan moral (lihat *Utusan Malaysia*, 5 Mac 1997).

¹³ Lihat kertas kerja oleh Sdr. Salahuddin Ayub, pada masa ini menjawat jawatan Timbalan Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, berjudul ‘Sekolah Agama Rakyat: Berpolitik atau Dipolitikkan’ yang dibentangkan di *Konvensyen Sekolah Agama Rakyat*, pada 29 Mac 2003, anjuran Majlis Pendidikan PAS Peringkat Kebangsaan (MPPPK) bertempat di Pusat Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar, Batu Caves, Selangor. Sekiranya tomohan UMNO adalah betul iaitu adanya hubungan yang rapat di antara PAS dan SAR, maka MPPPK ini boleh dilihat sebagai penghubungnya sungguhpun peranan MPPPK adalah lebih luas cakupannya.

¹⁴ Lihat *Utusan Malaysia*, 15 Januari, 1977 sebagaimana yang dirujuk oleh Salahuddin Ayub, *ibid.* muka surat. 14.

¹⁵ Sudah semestinya isu paling besar mempengaruhi prestasi PAS dalam Pilihanraya Umum 1999 ialah isu Anwar Ibrahim bukan SAR; dan ini terbukti benar apabila isu SAR tidak memberi kesan yang positif kepada PAS dalam Pilihanraya Umum 2004.

¹⁶ Lihat, *Utusan Malaysia*, 21 Jun 1999.

¹⁷ Di antara sebab yang menggagalkan usaha ke arah mengarusperdanakan SAR secara total ialah tiada surat tawaran secara resmi oleh pihak Kementerian Pendidikan kepada guru-guru SAR kerana mereka diminta untuk memohon. Mereka berpendangan dalam apa-apa permohonan ada yang berjaya dan ada yang tidak berjaya. Dalam hal ini sila lihat *Utusan Malaysia*, 31 Januari 2003.

¹⁸ Sila lihat memorandum berkenaan berjudul *Selamatkan Sekolah Agama Rakyat*, muka surat.13.

¹⁹ GERAK pimpinan PAS ditubuhkan pada 23 September 1998 dan dilancarkan secara resmi pada 27 September 1998. Antara anggota GERAK adalah DAP, PRM, SUARAM dan CAP.

Rujukan

Abdul Hadi Awang. 2003. *Sekolah Agama Rakyat: Pertahan Benteng Kekuatan Ummah*. Jabatan Penerangan PAS Pusat.

Ahmad Zahid Hamidi. 2002. IPTS dan Kesannya Terhadap Tenagakerja Melayu. Kertas Kerja yang dibentang di *Simposium Melayu Malaysia*, UKM, pada 24-25 Ogos 2002.

Akademi Kepimpinan dan Latihan Pemuda UMNO Malaysia. 2003. *Sekolah Agama Rakyat: Antara Tanggungjawab Politik dan Kepentingan Politik Kepartian*. Kertas Penyelidikan.

Chandra Muzaffar. 2002. Globalization and Religion: Some Reflections. <http://www.Islamline.net/English/Contemporary/2002/06/Article3.shtml>, capaian pada 07 05 2004.

Dewan Pemuda PAS Pusat. 2003. *Selamatkan Sekolah Agama Rakyat*. Memorandum Dewan Pemuda PAS Pusat kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Timbalan Yang Dipertuan Agung.

Khoo Boo Teik. 2004. A Transition and Two Elections. *Aliran Monthly*, vol.24, no.2.

Ramli Abdul Halim (Penyunting). 2003. *Sekolah Agama Milik Rakyat*. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Salahuddin Ayub. 2003. Sekolah Agama Rakyat: Berpolitik atau Dipolitikkan. Kertas Kerja yang dibentang di Konvensyen Sekolah Agama Rakyat (SAR) anjuran Majlis Pendidikan PAS Peringkat Kebangsaan (MPPPK), pada 29 Mac 2003, Bertempat di Markaz Tarbiyah PAS Pusat, Taman Melewar, Batu Caves, Selangor.

Shamsul Amri Baharuddin. 2004. Globalization and Democratic Developments in Southeast Asia: Articulation and Social Responses. Kertas kerja yang

Dibentangkan di *Majlis Syarahan Globalisasi: Impak Globalisasi Terhadap Masyarakat Malaysia* anjuran Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

Sperling, Gene B. A Pre-Emption Policy on Universal Basic Education. A testimony Submitted on May 2004 to House Committee on Appropriations, SubCommittee On Foreign Operations, Council on Foreign Relations.
[Http://www.Cfr.org/pub7167/gene_b_sperling/a_/a_preemption_policy_on_Universal_basic_....](http://www.Cfr.org/pub7167/gene_b_sperling/a_/a_preemption_policy_on_Universal_basic_....) Capaian pada 09 07 2004.

Suman Gupta *et.al.* School Education and Religious Communal Tensions in India and Possible Analogues with Nigeria: Legislation, Policy and Curriculum.
[Http://www.open.ac.uk./Arts/gipsc/nigeria03/gupta.html](http://www.open.ac.uk./Arts/gipsc/nigeria03/gupta.html), capaian pada 07 05 2004

Tabb, William. Globalization and Education as a Commodity. *Clarion*, Summer 2001.
[Http://www.psc-cuny.org/jcglobalization.htm](http://www.psc-cuny.org/jcglobalization.htm), capaian pada 07 05 2004.

Utusan Malaysia.